**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

UTM.J.03.01/10.12/3 Jld.2(34)

24 Oktober 2025
25 Jamadil Awal 1447

**PEKELILING BENDAHARI BIL.2/2025**
**PELAKSANAAN SIJIL PEMATUHAN CUKAI**
**(*TAX COMPLIANCE CERTIFICATE-TCC*) BAGI SEMUA KAEDAH**
**PEROLEHAN BEKALAN, PERKHIDMATAN & KERJA**
**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)**

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Bil.17/2025 pada 9 Oktober 2025 telah meluluskan cadangan untuk menerima pakai pelaksanaan Sijil Pematuhan Cukai (*Tax Compliance Certificate-TCC*) bagi semua kaedah perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja di Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

2. Ini adalah selaras dengan Surat Edaran Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), no rujukan MOF.BKP(S) 600-14/15/5 Jld.2 (23) bertarikh 24 Jun 2025 telah memaklumkan penguatkuasaan sepenuhnya arahan pengemukaan Sijil Pematuhan Cukai (*Tax Compliance Certificate- TCC*) sebagai **syarat tambahan wajib dalam dokumen tawaran perolehan Kerajaan.**

3. Sehubungan itu, mulai 1 November 2025, pengemukaan Sijil Pematuhan Cukai (TCC) adalah wajib bagi semua kaedah perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Semua pembekal yang menyertai perolehan di UTM wajib mengemukakan Sijil TCC berstatus **PATUH** dan **MASIH DALAM TEMPOH SAH LAKU.**

4. Adalah menjadi tanggungjawab semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) untuk memastikan Sijil Pematuhan Cukai (TCC) yang berstatus **PATUH** dan **MASIH SAH** dikemukakan oleh pembekal bagi semua perolehan yang dilaksanakan di PTJ masing-masing.

3. Seluruh warga Universiti diminta mengambil maklum pemakaian pekeliling ini dan maklumat lanjut berhubung pekeliling ini boleh didapati di laman web rasmi Jabatan Bendahari https://bursary.utm.my.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(ABU BAKAR BIN MOHD SALLEH@AHMAD)**
Bendahari
Universiti Teknologi Malaysia

s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
- Pro Naib Canselor Kampus UTM Kuala Lumpur
- Pengarah Kampus Pagoh
- Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan/Pengarah

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 2 TAHUN 2025**

# PELAKSANAAN SIJIL PEMATUHAN CUKAI (*TAX COMPLIANCE CERTIFICATE-TCC*) BAGI SEMUA KAEDAH PEROLEHAN BEKALAN, PERKHIDMATAN & KERJA UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)

**JABATAN BENDAHARI**
**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**
**24 OKTOBER 2025**

Jabatan Bendahari
Universiti Teknologi Malaysia
81310, UTM Skudai
Johor Darul Takzim
Malaysia

Tel: 07-5533333 Faks: 07-5579887 https://bursary.utm.my
Emel:bendahari@utm.my

Ruj.Kami : UTM.J.03.01/10.12/3 Jld.2(34)
Tarikh : 24 Oktober 2025

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 2 TAHUN 2025**

Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
Dekan/Pengerusi/Pengarah
Ketua Bahagian/Jabatan
Universiti Teknologi Malaysia

Assalamualaikum & Salam Sejahtera,
YBhg.Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof./Dr /Saudara,

**PELAKSANAAN SIJIL PEMATUHAN CUKAI (*TAX COMPLIANCE CERTIFICATE - TCC*) BAGI SEMUA KAEDAH PEROLEHAN BEKALAN, PERKHIDMATAN & KERJA, UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)**

## 1.0 TUJUAN

1.1 Pekeliling ini adalah untuk menerangkan tatacara bagi pelaksanaan Sijil Pematuhan Cukai (*Tax Compliance Certificate-TCC*) bagi semua kaedah perolehan bekalan, perkhidmatan & kerja Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

1.2 Surat Edaran Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), bernombor rujukan MOF.BKP(S) 600-14/15/5 Jld.2 (23) bertarikh 24 Jun 2025 telah memaklumkan penguatkuasaan sepenuhnya arahan pengemukaan Sijil Pematuhan Cukai (*Tax Compliance Certificate- TCC*) sebagai **syarat tambahan wajib dalam dokumen tawaran perolehan Kerajaan.** Sila rujuk *Lampiran 1- Contoh Sijil Pematuhan Cukai Bersatus PATUH dan Berstatus TIDAK PATUH.*

1.3 Tatacara ini telah dibawa untuk kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Bil.17/2025 pada 9 Oktober 2025.

## 2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Tujuan pelaksanaan Sijil Pematuhan Cukai (TCC) ini selaras adalah untuk memastikan hanya syarikat atau pembekal yang mematuhi kewajipan percukaian sahaja dibenarkan untuk menyertai perolehan Kerajaan/UTM.

## 3.0 PELAKSANAAN SIJIL PEMATUHAN CUKAI (*TAX COMPLIANCE CERTIFICATE - TCC*) BAGI SEMUA KAEDAH PEROLEHAN BEKALAN, PERKHIDMATAN & KERJA UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)

3.1 Pengemukaan TCC adalah diwajibkan bagi semua kaedah perolehan bagi semua kategori bekalan, perkhidmatan (perunding dan bukan perunding) dan kerja sama ada secara manual atau sistem. Berikut adalah mekanisme pelaksanaan mengikut kaedah-kaedah perolehan di UTM.

(i) <u>Pembelian Terus</u>

Semakan pematuhan dokumen TCC hendaklah dilaksanakan di peringkat kelulusan penilaian pembelian terus. Sekiranya TCC tidak dikemukakan atau berstatus **TIDAK PATUH** atau **BUKAN DOKUMEN**

**TCC YANG SAH** (telah tamat tempoh atau palsu), maka Penyedia dan Penyemak hendaklah menetapkan status pematuhan dokumen sebagai **GAGAL** dan mengakibatkan tawaran pembekal tidak disyorkan untuk kelulusan Pegawai Pelulus (Ketua PTJ/ Pegawai yang diwakil kuasa).

(ii) Sebutharga/Tender

Semakan pematuhan dokumen TCC hendaklah dilaksanakan di peringkat pembukaan dokumen tawaran. Sekiranya TCC tidak dikemukakan atau **BERSTATUS TIDAK PATUH** atau **BUKAN DOKUMEN TCC YANG SAH** (telah tamat tempoh atau palsu), maka Jawatankuasa Pembuka Peti Sebut Harga/ Tender hendaklah menetapkan **STATUS PEMATUHAN DOKUMEN** sebagai **GAGAL** dan mengakibatkan tawaran penyebutharga/petender tidak layak dinilai ke peringkat seterusnya. Sila rujuk *Lampiran 2* – Senarai Semak Dokumen Buka Sebut Harga & Tender.

Manakala Pihak Berkuasa Melulus (PBM), yang terdiri daripada Jawatankuasa Sebutharga A (JKSH A), Jawatankuasa Sebutharga B (JKSH B) dan Lembaga Perolehan Universiti hendaklah memastikan pembekal yang disyorkan mempunyai TCC yang **SAH DAN MASIH BERKUATKUASA.**

(iii) Rundingan Terus

Manakala bagi kaedah perolehan secara Rundingan Terus di bawah PK7 - Pengecualian Daripada Tatacara Perolehan Kerajaan dan W.P7.5 - Prosedur Pengecualian Tatacara Perolehan Menggunakan Sumber Dalaman, pengemukaan TCC adalah **DOKUMEN WAJIB BAGI TUJUAN TUNTUTAN BAYARAN OLEH PEMBEKAL**. PTJ hendaklah

memastikan TCC yang dikemukakan adalah **MASIH SAH DAN BERKUATKUASA (PATUH ATAU TIDAK PATUH)**.

(iv) Lantikan Terus Beserta Kos Siling

Pengemukaan TCC hendaklah ditetapkan dalam tempoh masa 7 hari selepas Surat Niat dikeluarkan. Sila rujuk *Lampiran 3* – Contoh Surat Niat bagi mendapatkan salinan Sijil Pematuhan Cukai Berstatus Patuh.

3.2 Bagi tujuan pelaksanaan TCC ini, pembekal yang berdaftar dengan UTM perlu mengemaskini maklumat TCC pada profil pembekal di sistem ePerolehan UTM. Status kepatuhan dan sah laku TCC perlu disemak semasa peringkat pembayaran. Salinan Sijil Pematuhan Cukai yang **PATUH** dan **SAH** perlu dimajukan bersama dokumen pembayaran yang lain kepada Pejabat Pembayar. Sila rujuk *Lampiran 4* - Manual Kemaskini Sijil Pematuhan Cukai pada sistem ePerolehan UTM.

3.3 Sekiranya status TCC pembekal adalah **TIDAK PATUH** atau **TIDAK SAH**, kelulusan pembayaran perlu ditangguhkan sehingga pembekal mengemaskini maklumat TCC adalah **PATUH** dan **SAH**.

3.4 Bagi perolehan yang telah diluluskan sebelum tarikh kuatkuasa pelaksanaan TCC ini, PTJ perlu memastikan **SIJIL TCC YANG SAH DAN MASIH BERKUATKUASA** dilampirkan bersama dokumen pembayaran untuk kelulusan bayaran di peringkat Pejabat Pembayar.

## 4.0 PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA

4.1 Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 November 2025.

4.2 Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama Pekeliling Bendahari Bil.2/2024 - Polisi Perolehan & Prosedur Berkaitan Perolehan Bekalan & Perkhidmatan.

# LAMPIRAN 1

## CONTOH SIJIL PEMATUHAN CUKAI BERSTATUS PATUH

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

Telefon : 03-8911 1000
(HASiL Care Line)

Portal Rasmi :
https://www.hasil.gov.my

**Tarikh Janaan Sijil**

**Tarikh Luput Sijil**

**SIJIL PEMATUHAN CUKAI (TCC)**
**BAGI PERMOHONAN PEROLEHAN KERAJAAN**
**(STATUS: PATUH)**

Adalah dengan ini, disahkan bahawa

telah memenuhi kriteria permohonan Sijil Pematuhan Cukai

Sijil ini dikeluarkan berdasarkan status pematuhan pembayar cukai bagi maksud permohonan perolehan kerajaan sahaja. Sekiranya terdapat bukti-bukti yang menunjukkan pemegang sijil ini tidak mematuhi mana-mana peruntukan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967, pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia berhak menarik balik status pematuhan yang diberikan melalui sijil ini.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi HASiL Care Line di talian 03-8911 1000 (dalam negara) / 603-8911 1100 (luar negara).

CONTOH SIJIL
UNTUK RUJUKAN SAHAJA
CONTOH SIJIL
UNTUK RUJUKAN SAHAJA
CONTOH SIJIL
UNTUK RUJUKAN SAHAJA

**CONTOH SIJIL PEMATUHAN CUKAI BERSTATUS TIDAK PATUH**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

LHDN MALAYSIA

| | |
|---|---|
| Telefon | 03-8911 1000 (HASiL Care Line) |
| Portal Rasmi | https://www.hasil.gov.my |

CONTOH SIJIL UNTUK RUJUKAN SAHAJA

**SIJIL PEMATUHAN CUKAI (TCC)**
**BAGI PERMOHONAN PEROLEHAN KERAJAAN**
**(STATUS: TIDAK PATUH)**

Adalah dengan ini disahkan bahawa

CONTOH SIJIL UNTUK RUJUKAN SAHAJA

tidak memenuhi kriteria permohonan Sijil Pematuhan Cukai (TCC) seperti berikut:

- ☐ Tidak mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan
- ☐ Mempunyai cukai/baki cukai tertunggak yang belum dijelaskan

Sila berurusan di pejabat LHDNM yang berdekatan atau e-mel ke alamat tcc@hasil.gov.my untuk penyelesaian isu di atas.

Sijil ini dikeluarkan berdasarkan status pematuhan pembayar cukai bagi maksud permohonan perolehan kerajaan sahaja.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi HASiL Care Line di talian 03-8911 1000 (dalam negara) / 603-8911 1100 (luar negara).

CONTOH SIJIL UNTUK RUJUKAN SAHAJA

# LAMPIRAN 2

No. Sebut Harga : SHJ...............................

**SENARAI SEMAK DOKUMEN SEBUT HARGA (BEKALAN / PERKHIDMATAN)**

Dokumen berikut hendaklah dikemukakan oleh penyebutharga semasa penyerahan Naskhah Sebut Harga. Sila tandakan ( √ ) bagi dokumen-dokumen yang di sertakan.

| **Bil.** | **Perkara / Dokumen** | **Untuk Ditanda Oleh Syarikat** | **Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga** |
|---|---|---|---|
| **SAMPUL A** | | | |
| 1. | Jaminan Pembekal telah diisi dengan lengkap dan ditandatangani. **(Tawaran sebut harga akan ditolak jika Jaminan Pembekal tidak lengkap dan tidak ditandatangani).** | | |
| 2. | Jadual Harga yang telah dilengkapkan. **(Pastikan kiraan adalah tepat bagi setiap ruang)** | | |
| 3. | Keterangan Mengenai Penyebutharga yang telah dilengkapkan. | | |
| 4. | Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Daripada Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah. | | |
| 5. | Salinan Sijil Akuan Bumiputera Daripada Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah. | | |
| 6. | Salinan Sijil Pendaftaran *Sales & Services Tax (SST)* dengan Kastam Di Raja Malaysia jika harga tawaran ada unsur *SST* (Jika ada) | | |
| 7. | *Form* 49 dan Sijil-sijil lain yang berkaitan. | | |
| 8. | * Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi 3 (tiga) bulan iaitu xxxxxxxxx | | |
| 9. | * Salinan Penyata Kewangan syarikat yang telah diaudit bagi tahun xxxxxxxxxx | | |
| 10. | * Laporan Bank/Institut Kewangan Mengenai Kedudukan KewanganPenyebutharga. **Dimasukkan dalam sampul surat berlakri daripada bank/institusi kewangan).** | | |

**No. Sebut Harga : SHJ..................................**

**SENARAI SEMAK DOKUMEN SEBUT HARGA (BEKALAN / PERKHIDMATAN)**

Dokumen berikut hendaklah dikemukakan oleh penyebutharga semasa penyerahan Naskhah Sebut Harga. Sila tandakan ( √ ) bagi dokumen-dokumen yang di sertakan.

| **Bil.** | **Perkara / Dokumen** | **Untuk Ditanda Oleh Syarikat** | **Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga** |
|---|---|---|---|
| **SAMPUL A** | | | |
| 11. | Jadual Kakitangan Penyelenggaraan dan Perkhidmatan Teknikal yang telah dilengkapkan (jika berkaitan). | | |
| 12. | Nama dan Alamat Syarikat yang akan memberi perkhidmatan selepas jualan. | | |
| 13. | Borang Lampiran A1 (Pin 1/98) yang telah dilengkapkan | | |
| 14. | Surat Akuan Pembida yang telah dilengkapkan | | |
| 15. | Surat Perwakilan Kuasa | | |
| 16. | Salinan Sijil UTM yang bersatus PATUH & MASIH SAH | | |
| 17. | Salinan Sijil Pematuhan Cukai yang masih SAH | | |
| *** Dokumen 8, 9 dan 10 adalah terpakai untuk tawaran sebut harga yang bernilai melebihi RM200,000.00 sahaja.** | | | |
| **SAMPUL B** | | | |
| 1. | Jadual Penentuan/Spesifikasi Teknikal yang telah dilengkapkan | | |
| 2. | Syarat-Syarat Khas yang telah dilengkapkan. | | |
| 3. | Katalog/Risalah. | | |

**No. Sebut Harga : SHJ..................................**

**SENARAI SEMAK DOKUMEN SEBUT HARGA (BEKALAN / PERKHIDMATAN)**

Dokumen berikut hendaklah dikemukakan oleh penyebutharga semasa penyerahan Naskhah Sebut Harga. Sila tandakan ( √ ) bagi dokumen-dokumen yang di sertakan.

| **PENGESAHAN OLEH SYARIKAT** | **UNTUK KEGUNAAN JABATAN** |
|---|---|
| Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam Naskhah Sebut Harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar. | Jawatankuasa Pembuka Sebut harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda (√) kecuali bagi perkara pada bil. .................................................... .................................. (jika ada). |
| Tandatangan : ....................................<br><br>Nama : ..............................................<br><br>Jawatan : .........................................<br><br>Tarikh : ..............................................<br><br>Cop rasmi syarikat : | Tandatangan : ....................................<br><br>Nama : ..............................................<br><br>Jawatan : .........................................<br><br>Tarikh : ..............................................<br><br>Tandatangan : ....................................<br><br>Nama : ..............................................<br><br>Jawatan : .........................................<br><br>Tarikh : .............................................. |

**Nota kepada syarikat:**

1) **Hanya kemukakan dokumen di dalam Senarai Semak ini sahaja.**
2) **Susun dokumen mengikut turutan dalam Senarai Semak ini.**
3) **Dokumen untuk Sampul A hendaklah diasingkan daripada Dokumen Sampul B**

## SENARAI SEMAK DOKUMEN TENDER (BEKALAN/PERKHIDMATAN)

Bil. Petender : ..................................

Tarikh Tutup Tender : ----------------------------------

No. Tender : UTM B.-------------------------

Tajuk Tender : ..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

| Bil. | Perkara | Lampiran | Jumlah | | Semakan |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Asal | Salinan | (√) |
| 1. | **Pakej A**<br>Jaminan Petender | I | 1 | - | |
| 2. | Jadual Harga | II | 1 | - | |
| 3. | Profil Petender : | | | | |
| | Keterangan Mengenai Petender | IV (d-i) | 1 | - | |
| 4. | Jadual Pengalaman Petender | IV (d-ii) | 1 | - | |
| 5. | Salinan Sijil Kementerian Kewangan | - | 1 | - | |
| 6. | Salinan Sijil Pendaftaran Bumiputra | - | 1 | - | |
| 7. | Salinan Form 49 | - | 1 | - | |
| 8. | Salinan Sijil Pendaftaran SST dari Jabatan Kastam Diraja Malaysia | - | 1 | - | |
| 9. | Laporan Bank/Institusi Kewangan mengenai kedudukan kewangan Petender. **(Sampul surat berlakri drpd. bank/institusi kewangan).** | IV (c) | 1 | - | |
| 10. | Salinan Penyata Kewangan Syarikat bagi tiga (3) tahun kewangan terakhir secara berturut-turut sebelum tahun tutup tender atau sekiranya tiada, petender boleh mengemukakan **Salinan Penyata Kewangan Syarikat** bagi tiga (3) tahun kewangan tender secara berturut-turut setahun sebelum tahun tutup tender yang **diaudit dan disahkan** dengan salinan sah **(certified true copy) ASAL** oleh Juruaudit Bertauliah atau | - | 1 | - | |

## SENARAI SEMAK DOKUMEN TENDER (BEKALAN/PERKHIDMATAN)

Bil. Petender : ..................................

Tarikh Tutup Tender : ----------------------------------

No. Tender : UTM B.---------------------------

Tajuk Tender : ..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

| Bil. | Perkara | Lampiran | Jumlah | | Semakan |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Asal | Salinan | (√) |
| | Setiausaha Syarikat Berlesen. **[Dimasukkan dalam Dokumen Asal Tender (Pakej A)]** | | | | |
| 11 | Penyata Bank terkini bagi tiga (3) bulan **(sekurang-kurangnya tahun mulai ....,.... dan ...... 2025) [Dimasukkan dalam Dokumen Asal Tender (Pakej A)].** | | 1 | - | |
| 12. | Surat Akuan Pembida & Surat Perwakilan Kuasa | IV (f) | 1 | 1 | |
| 13. | Surat Perwakilan Kuasa yang ditandatangani oleh penama di Sijil Pendaftaran MOF (Menggunakan Kepala Surat Syarikat) | - | 1 | 1 | |
| 14. | Salinan Sijil UTM yang bersatus PATUH & MASIH SAH | | 1 | - | |
| | **Pakej B** | | | | |
| 1. | Jadual Penyediaan Spesifikasi Teknikal | III | 1 | 1 | |
| 2. | Katalog/Risalah | - | 1 | - | |

.......................................................................... ..........................................................................

**(AHLI J/KUASA PEMBUKA TENDER)** **(AHLI J/KUASA PEMBUKA TENDER)**

# LAMPIRAN 3

Rujukan Kami :UTM.J.XX.XXXXX
Tarikh :

**SURAT NIAT**

**SYARIKAT ABC**
No. 123, Jalan Pinang 12B
Seksyen 18
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
☎ : 03-5545 2100/012-282 7684
**( u/p : ALI BIN ABU)**

Tuan,

**TAJUK SEBUT HARGA/ TENDER : SEBUT HARGA/ TENDER BAGI MENBEKAL XXXXX**
**NO. SEBUT HARGA/ TENDER : SHJXXXXX/UTM.BX/2025**

Merujuk kepada sebut harga/tender bekalan Tuan yang tersebut di atas, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) ingin memberitahu Tuan pada amnya terma-terma sebut harga Tuan boleh diterima oleh UTM.

2. Walau bagaimanapun, pihak tuan diminta untuk mengemukakan Sijil Pematuhan Cukai *(Tax Compliance Certificate (TCC))* dengan status patuh sebagai syarat wajib bagi menyertai perolehan kerajaan.

3. Sila kemukakan perkara pada para 2 selewat-lewatnya pada 01 November 2025 kepada Puan Junaini Zakaria melalui emel junaini@utm.my.

4. Surat ini adalah **RAHSIA KERAJAAN** dan tidak boleh disebarkan kepada mana-mana pihak lain. Surat ini hanyalah suatu surat niat dan hendaklah tidak ditafsirkan dalam apa-apa cara jua sebagai mengikat UTM.

Sekian, terima kasih

**'MALAYSIA MADANI'**

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menjalankan amanah,

**ABU BAKAR BIN MOHD SALLEH @ AHMAD**
Bendahari
Jabatan Bendahari

# LAMPIRAN 4

MANUAL PEMBEKAL
PENYERTAAN SISTEM PEROLEHAN

# MODUL
# KEMASKINI SIJIL PEMATUHAN CUKAI / TAX COMPLIANCE CERTIFICATED (TCC)

UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
Jabatan Bendahari

*Innovating Sustainable Solutions*
*Menginovasi Penyelesaian Lestari*




1. Masukkan katanama dan password
2. Klik butang log masuk




1. Klik ke butang **+ Kemaskini Profil** untuk membuat kemaskini maklumat berkenaan.




1. Klik ke tab Profil Pembekal




1. Selesai paparan profil pembekal, anda skrol skrin ke bawah sehingga jumpa ruangan *Sijil Pematuhan Cukai*




1. Selesai paparan profil pembekal, anda skrol skrin ke bawah sehingga jumpa ruangan *Sijil Pematuhan Cukai*




1. Tick di ruangan YA.
2. **Masukkan No-Pengenalan Cukai-TCC anda**
3. Tick di ruangan Patuh pada status sijil
4. Masukkan Tarikh janaan dan luput sijil

**INFO:**

**Sila pastikan Sijil TCC yang dimuatnaik adalah sijil yang didaftar seperti Sijil SSM.**

**Contoh: Syarikat jenis perniagaan Perkongsian perlu memuatnaik Sijil TCC yang didaftar di atas nama syarikat bukan nama pemilik. Sila rujuk Lampiran 1: No Rujukan TCC mengikut jenis perniagaan**

UTM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA | Jabatan Bendahari

*Innovating Sustainable Solutions*
*Menginovasi Penyelesaian Lestari*

## NO PENGENALAN CUKAI SYARIKAT

| JENIS PERNIAGAAN | NO RUJUKAN TCC |
|---|---|
| Syarikat | C |
| Perkongsian Liabiliti Terhad | PT |
| Koperasi | CS |
| Badan Amanah | TA |
| Unit Amanah/Amanah Harta Benda | TC |
| Amanah Pelaburan Harta Tanah/Tabung Amanah Harta | TR |
| Pertubuhan | F |
| Perkongsian | D |
| Individu ( Perniagaan Pemilikan Tunggal ) | IG |




1. Selesai pengisian, skrol ke bawah sedikit dan klik butang [Simpan maklumat Profil] untuk memastikan butiran pengisian anda disimpan.




1. Pergi tab Lampiran



Hubungi Kami · Aduan & Maklumbalas · 011-6065 9152 / 011-1026 8910 · Selamat Datang, SSP JOHO SDN BHD

Pembekal · E-bidaan · Notis Perolehan · Pesanan Tempatan (one-off) · Tuntutan Bayaran · Webinar · Manual

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 3 | SIJIL SSM CORPORATE INFORMATION | SIJIL SYARIKAT DARI SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM) | 5 MB | YA | SSM | SSM9_003558885-T_7.PDF | ⊙ |
| 4 | SEKSYEN 14 @ ANNUAL RETURN TE | SEKSYEN 14 @ ANNUAL RETURN TERKINI | 5 MB | YA | | S14@AR_003558885-T_7.PDF | ⊙ |
| 5 | PENYATA BANK TERKINI 1 BULAN | PENYATA KEWANGAN BANK 1 BULAN TERKINI | 10 MB | YA | | BANKSTATEMENT_003558885-T_7.PDF | ⊙ |
| 6 | PENGISYTIHARAN INTEGRITI | SILA MUAT TURUN DOKUMEN PADA TAB PENGISYTIHARAN INTEGRITY | 2 MB | YA | | INTEGRITY_003558885-T_7.PDF | ⊙ |
| 7 | PENYATA BANK TERKINI 2 BULAN | PENYATA KEWANGAN BANK 2 BULAN TERKINI | 10 MB | YA | | BANKSTATEMENT_2_003558885-T_7.PDF | ⊙ |
| 8 | PENYATA BANK TERKINI 3 BULAN | PENYATA KEWANGAN BANK 3 BULAN TERKINI | 10 MB | YA | | BANKSTATEMENT_3_003558885-T_7.PDF | ⊙ |
| 9 | SSM BORANG 13 | SIJIL PEMERBADANAN KE ATAS PERTUKARAN NAMA SYARIKAT | 5 MB | | | | ⊙ |
| 10 | SEKSYEN 105 | PINDAHAN SAHAM | 1 MB | | | | ⊙ |
| 11 | LAPORAN AUDIT | LAPORAN AUDIT KEWANGAN TERKINI | 10 MB | | | | ⊙ |
| 12 | SIJIL MOF | SIJIL PENDAFTARAN KONTRAKTOR DARI KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF); | 5 MB | YA | SIJIL MOF | MOF_003558885-T_7.PDF | ⊙ |
| 13 | SIJIL MOF BUMIPUTERA | SIJIL BUMIPUTERA | 2 MB | | | BUMI_003558885-T_7.PDF | ⊙ |
| 14 | LAIN-LAIN | KATALOG PRODUK/CIDB/PKK/LESEN PERNIAGAAN & PELANCONGAN/IATA/SIJIL BUMI UNTUK EJEN PELANCONGAN/DLL | 15 MB | | | | ⊙ |
| 15 | IC PENGARAH | SIJIL PENGENALAN PENGARAH (IC) | 5 MB | | | | ⊙ |
| 16 | PENYATA KWSP | PENYATA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP) TERKINI | 5 MB | | | | ⊙ |
| 17 | PENSIJILAN | PENSIJILAN DENGAN BADAN KERAJAAN, SEKTOR SWASTA & SEKTOR AWAM | 20 MB | | | | ⊙ |
| 18 | PENYATA PERKESO | PENYATA TERKINI PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO) | 5 MB | | | | ⊙ |
| 19 | REKOD PENGALAMAN DAN PELANGGAN | REKOD PENGALAMAN DAN PELANGGAN UNTUK MENYOKONG PEMILIHAN KATEGORI KERJA | 10 MB | | | | ⊙ |
| 20 | SIJIL PENDAFTARAN SST | SIJIL PENDAFTARAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (SST) OLEH JABATAN KASTAM DIRAJA | 3 MB | | TEST | SST_003558885-T_7.PDF | ⊙ |
| 21 | SIJIL CIDB BUMIPUTERA | SIJIL CIDB BUMIPUTERA | 2 MB | | | | ⊙ |
| 22 | SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN | SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) | 2 MB | | | | ⊙ |
| 23 | SIJIL CIDB | SIJIL CIDB | 2 MB | | | | ⊙ |
| 24 | TCC | SIJIL PEMATUHAN CUKAI (TAX COMPLIANCE CERTIFICATE - TCC) | 5 MB | YA | | | ⊙ |

1

1. Pergi ke row untuk lampirkan TCC dan klik di ikon Muatnaik dokumen




1. Klik butang Choose File untuk carian file sijil berkenaan
2. Klik butang hijau iaitu muatnaik [Muatnaik] untuk memastikan file yang anda pilih itu disimpan.




| # | Nama Dokumen | Perincian Dokumen | Saiz Maksimum (MB) | Wajib | Keterangan Dokumen | Fail | Muat Naik |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | SIJIL SSM CORPORATE INFORMATION | SIJIL SYARIKAT DARI SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM) | 5 MB | YA | TEST | SSM9_003558885-T_7.PDF | |
| 2 | SIJIL SSM CORPORATE INFORMATION | SIJIL SYARIKAT DARI SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM) | 5 MB | YA | TEST | SSM9_003558885-T_7.PDF | |
| 3 | SIJIL SSM CORPORATE INFORMATION | SIJIL SYARIKAT DARI SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM) | 5 MB | YA | SSM | SSM9_003558885-T_7.PDF | |
| 4 | SEKSYEN 14 @ ANNUAL RETURN TE | SEKSYEN 14 @ ANNUAL RETURN TERKINI | 5 MB | YA | | S14@AR_003558885-T_7.PDF | |
| 5 | PENYATA BANK TERKINI 1 BULAN | PENYATA KEWANGAN BANK 1 BULAN TERKINI | 10 MB | YA | | BANKSTATEMENT_003558885-T_7.PDF | |
| 6 | PENGISYTIHARAN INTEGRITI | SILA MUAT TURUN DOKUMEN PADA TAB PENGISYTIHARAN INTEGRITY | 2 MB | YA | | INTEGRITY_003558885-T_7.PDF | |
| 7 | PENYATA BANK TERKINI 2 BULAN | PENYATA KEWANGAN BANK 2 BULAN TERKINI | 10 MB | YA | | BANKSTATEMENT_2_003558885-T_7.PDF | |
| 8 | PENYATA BANK TERKINI 3 BULAN | PENYATA KEWANGAN BANK 3 BULAN TERKINI | 10 MB | YA | | BANKSTATEMENT_3_003558885-T_7.PDF | |
| 9 | SSM BORANG 13 | SIJIL PEMERBADANAN KE ATAS PERTUKARAN NAMA SYARIKAT | 5 MB | | | | |
| 10 | SEKSYEN 105 | PINDAHAN SAHAM | 1 MB | | | | |
| 11 | LAPORAN AUDIT | LAPORAN AUDIT KEWANGAN TERKINI | 10 MB | | | | |
| 12 | SIJIL MOF | SIJIL PENDAFTARAN KONTRAKTOR DARI KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF); | 5 MB | YA | SIJIL MOF | MOF_003558885-T_7.PDF | |
| 13 | SIJIL MOF BUMIPUTERA | SIJIL BUMIPUTERA | 2 MB | | | BUMI_003558885-T_7.PDF | |

1. Seterusnya, pergi tab **Perisytiharan Integriti**
2. Tanda 2 kotak kecil yang disediakan

Hubungi Kami | Aduan & Maklumbalas
011-6065 9152 / 011-1026 8910

Selamat Datang
SSP JOHO SDN BHD

Pembekal
E-bidaan
Notis Perolehan
Pesanan Tempatan (one-off)
Tuntutan Bayaran
Webinar
Manual

**PENGISTIHARAN INTEGRITI**

1. **SSP JOHO SDN BHD** dengan nombor pendaftaran **(003558885-T)** dengan ini mengisytiharkan bahawa saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini, tidak boleh menawarkan atau memberi rasuah kepada mana-mana individu di Universiti Teknologi Malaysia atau mana-mana individu lain, dorongan yang akan dipilih dalam tender / sebut harga yang disebutkan di atas. Saya dengan ini melampirkan surat Pemberikuasaan yang memberi saya kuasa, sebagai wakil syarikat yang disebutkan di atas, untuk membuat perisytiharan ini.

2. Jika saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini, menawarkan atau memberi apa-apa rasuah kepada mana mana individu di Universiti Teknologi Malaysia atau mana mana individu lain sebagai dorongan yang akan dipilih dalam tender / sebut harga yang disebut di atas " Saya dengan ini bersetuju, sebagai wakil syarikat yang dinyatakan di atas, untuk tindakan berikut yang akan diambil:

2.1 Pembatalan Tawaran Kontrak Bagi Tender / Penawaran Sebutharga ; atau

2.3 Penamatan Kontrak Untuk Tender / Sebutharga yang diterima ; dan

2.3 Tindakan disiplin lain mengikut peraturan perundangan kerajaan yang sedang berkuatkuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu yang cuba menuntut sebarang rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan yang akan dipilih untuk penerimaan tender / sebut harga yang disebutkan di atas, saya dengan ini berjanji untuk segera melaporkan tindakan sedemikian ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau di balai polis berhampiran.

2

☑ Tiada mana-mana ahli keluarga atau saudara terdekat saya mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana urusan perolehan atau urusan-urusan lain yang berkaitan dengan projek/kajian yang dikendalikan oleh saya.

☑ Saya telah membaca dan bersetuju dengan **Pengisytiharan Integriti UTM.**

Muat Turun Borang Pengisytiharan Integriti

## Ahli Keluarga atau Saudara yang sedang berkhidmat di UTM

+ Tambah Ahli Keluarga atau Saudara

1. Seterusnya, pergi tab [Perisytiharan Integriti]
2. Tanda 2 kotak kecil yang disediakan




1. Pergi ke tab Ringkasan .
2. Klik butang simpan permohonan anda.




1. Pergi ke tab  .

2. Klik butang Hantar Permohonan anda.

**Innovating Sustainable Solutions**
**Menginovasi Penyelesaian Lestari**

UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
Jabatan Bendahari

- TAMAT -

Hak Cipta Terpelihara @IKSB